


Suara

EDISI JAN - JUN 2023

 MITASA



MITASA



50 Tahun MITASA Terus Melangkah

- Ulang Tahun ke 50 dan EGM MITASA
- Program Kayuhan Santai Merdeka
- Merdeka Hari Tua bersama KWSP
- Kejohanan Bowling Hari Akademia
- NR-Mitasa Foodbank bantu pelajar dan kakitangan

Merdeka Hari Tua bantu masyarakat bijak menyimpan

Bagi membantu memberi pelbagai pendedahan kepada masyarakat terutamanya warga Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengenai simpanan wang di masa hadapan, MITASA tampil bekerjasama dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam penganjuran Program Merdeka Hari Tua yang berlangsung pada 23 dan 24 Ogos 2022.

Penganjuran program dua hari tersebut bertempat di ruang legar PTAR, UiTM Shah Alam dengan pelbagai pengisian menarik terutamanya perkongsian mengenai manfaat menyimpan di hari tua. Selain itu, turut diadakan juga forum melalui atas talian dan sesi konsultasi selama dua hari program berkenaan berlangsung selain pembukaan kaunter untuk pendaftaran keahlian dan sebagainya.

Program tersebut bakal diteruskan dari semasa ke semasa bagi



membantu memudahkan orang ramai terutamanya warga UiTM iaitu pelajar dan kakitangan mendapat input yang berguna untuk menyimpan di hari tua. Malah KWSP juga menyediakan pegawai-pegawai yang berpengalaman untuk membantu memberi tunjuk ajar untuk sebarang transaksi setiap kali KWSP turun padang bertemu pelanggan.

Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik



Pada 20 hingga 22 Oktober 2022, MITASA telah dijemput untuk menghadiri Bengkel Penambahbaikan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Staf Akademik di Avilion Port Dickson, Negeri Sembilan. Presiden, Ahmad Faisal Mohamed Fiah yang mewakili MITASA telah tampil membawa suara ahli MITASA dengan memberikan beberapa cadangan dan penambahbaikan melibatkan garis panduan berkenaan.

Suara ahli adalah penting memandangkan mereka adalah pelaksana untuk garis panduan berkenaan sekaligus memastikan ia berkonsepkan 'win win situation'. Pelaksanaan garis panduan berkenaan difahamkan akan bermula pada 2023 memandangkan ia perlu mengambil kira pelbagai aspek termasuklah penglibatan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) serta penilaian-penilaian yang lebih adil dan menyeluruh.

NR-MITASA FoodBank bantu pelajar dan staf

Bagi memperluaskan lagi kebajikan kepada pelajar dan kakitangan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (Mitasa) dengan kerjasama Non-Resident (NR) UiTM Shah Alam tampil mewujudkan inisiatif bantuan makanan kepada pelajar yang memerlukan melalui penubuhan NR-Mitasa FoodBank yang bermula Mei lalu.

Inisiatif ini adalah untuk membantu pelajar yang memerlukan bantuan makanan asas seperti kicap, beras, sos dan pelbagai keperluan makanan yang lain. Selain itu, Gerobok Rezeki berkenaan juga terbuka kepada staf yang memerlukan, bukan hanya kepada pelajar sahaja.

NR-MITASA FoodBank berkenaan bertempat di aras satu bangunan Unit Pengurusan NR di UiTM Shah Alam dan dengan hanya mengimbas kod yang disediakan, pelajar atau staf boleh mengambil makanan yang disediakan di rak tersebut bermula jam 8 pagi hingga 5 petang pada setiap hari bekerja.

NR dan Mitasa mengalu-alukan semua pihak untuk sama-sama menjayakan inisiatif ini melalui sumbangan makanan dan sebagainya. Sebarang urusan sumbangan boleh berhubung dengan pihak pengurusan NR.

